

LAPORAN

CADANGAN NAIK TARAF REKABENTUK

DALAMAN TOY MUSEUM

DI JALAN TANJUNG BUNGAH,

11200 PULAU PINANG

Oleh

ZULKIFLI BIN ABDUL AZIZ

2003125943

**Jabatan Seni Bina Dalaman
Fakulti Seni Bina, Perancangan Dan Ukur
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Perak**

OKTOBER 2006

ABSTRAK

Dalam menjalankan sesuatu rekabentuk, penggunaan elemen-elemen yang bersesuaian amat penting bagi memastikan sesuatu rekabentuk itu berjaya. Ini kerana dengan kombinasi elemen tersebut mampu menghasilkan suatu rekabentuk yang menerik dan mempunyai fungsi dan nilai estatika yang berjaya. Disamping itu perlu juga dipastikan agar elemen-elemen tersebut mengikut konsep dan imej pilihan supaya setiap mesej rekabentuk itu akan dapan disampaikan dengan berkesan.

Tujuan utama muzium ini ditubuhkan adalah untuk memperkenalkan koleksi pemainan yang terbesar di Malaysia kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Dengan pembaharuan dan proses naik taraf yang dibuat adalah diharapkan akan dapat memberi lebih daya tarikan dan minat pelancong-pelancong untuk melawat 'Toy Museum' ini. Dengan adanya proses ini juga diharap akan dapat memberikan suatu pengalaman eksplorasi yang menarik dan menghiburkan kepada pengunjungnya. Disamping berhibur, mereka juga dapat menjana inspirasi dan idea-idea baru daripada koleksi-koleksi yang dipamerkan iaitu bersesuaian dengan tema muzium ini sendiri, "Inspirasi Kreativiti".

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v - viii
BAB 1.0 PENGENALAN	2
1.1.1 MUZIUM	3
1.1.2 Definisi Muzium	4 - 5
1.1.3 Pengurusan	6 - 7
1.1.4 Jenis-jenis Muzium	8
1.2 KLIEN	9 - 10
1.2.1 Tujuan Penubuhan 'Toy Museum'.	11
1.3 Metodologi Kajian	12 - 14
BAB 2.0 PENGENALAN PROJEK	16 - 21
2.1 KAJIAN KES	22
2.1.1 Kajian Kes 1	23 - 30
2.1.2 Kajian Kes 2	31 - 36
2.1.3 Kajian Kes 3	37 - 43
2.2 ANALISA TAPAK	44
2.2.1 Orientasi Matahari	45
2.2.2 Pengangkutan Awam	47 - 48

2.2.3	Kawasan Sekeliling	49 - 53
2.3	ANALISA BANGUNAN	54
2.3.1	Plan Bangunan	55
2.3.2	Pandangan sisi Bangunan	56 -57
2.3.3	Ciri-ciri dan Sejarah Bangunan	58 - 61
BAB	3.0 CADANGAN REKABENTUK	63
3.1	OBJEKTIF REKABENTUK	64
3.2	KONSEP REKABENTUK	65 - 66
3.3	IMEJ REKABENTUK	67 - 68
3.4	PERANCANGAN RUANG	69 –72
3.5	LAMPIRAN LUKISAN	77 - 82
BAB	4.0 KESIMPULAN	84
RUJUKAN		86
LAMPIRAN		

1.0 PENGENALAN

Projek ini ialah sebuah projek naik taraf untuk sebuah muzium di Pulau Pinang. 'Toy Museum' ialah sebuah muzium persendirian yang dimiliki oleh En. Loh Lean Cheng yang kini telah berusia 50 tahun. Sebelum berpindah ke Pulau Pinang, dia pernah membuka 'Toy Museum' di Subang, Selangor. Sekarang 'Toy Museum' dibuka di Pulau Pinang dan telah tersenarai di dalam 'Malaysia Book of Record' sebagai muzium permainan yang terbesar di Malaysia. Muziumnya juga telah tersenarai sebanyak dua kali di dalam '*Malaysia Book of Record*'. Muziumnya yang telah dua tahun berpindah ke Pulau Pinang itu bertempat di Tanjung Bungah, berhadapan dengan Hotel Copthrone Orchird.

Muzium ini juga akan memberi peluang kepada pengunjung, khususnya golongan kanak-kanak dan remaja untuk meneroka koleksi-koleksi permainan ini supaya dapat memberi inspirasi dan idea-idea baru kepada mereka. Dengan cara ini juga akan memberi minat kepada mereka untuk mengumpul permainan dan model aksi seperti yang dipamerkan. Pengunjung juga boleh mendapat informasi yang betul tentang permainan-permainan yang dipamerkan seperti nilai koleksi sesuatu model, nilai pasaran, sejarah dan latarbelakang model yang istimewa.

Muzium yang mempamerkan lebih daripada 100 ribu model permainan ini akan menjadi lebih menarik selepas diubahsuai dan memberi tarikan kepada pengunjung sebagai tempat beriadah di masa lapang disamping meluangkan masa bersama keluarga.